

Newspaper	Berita Harian
Date	29/08/2012



“  
Hukum hudud yang  
mahu dilaksanakan  
parti pembangkang itu  
mirip kepada  
hukuman yang lebih  
berat dan tiada dalam  
al-Quran. **Saya tidak  
boleh sokong itu,  
tidak kena dengan  
Islam. Kalau sesuatu  
itu tidak adil, dia  
tidak Islam”**

**Tun Dr Mahathir Mohamad,**  
Bekas Perdana Menteri

## ‘Saya hanya tolak hukum hudud PAS’

BH-29/08/2012

» **Bekas Perdana Menteri anggap hukum syariah dilaksana PAS banyak kepincangan**

**Oleh Norfatimah Ahmad dan Lum Chee Hong**  
bhnews@bharian.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

**S**aya hanya tolak hukum hudud PAS, bukan hudud Islam,” tegas Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, ada perbezaan antara kedua-duanya, terutama pelaksanaan hudud PAS yang tidak adil antara lelaki dan wanita serta Islam dan bukan Islam.

### **Hukum hudud PAS**

“Hudud PAS menetapkan orang Islam yang melakukan kesalahan mencuri akan dipotong tangan, manakala bagi bukan Islam pula dipenjarakan dua bulan.

“Ini tidak adil,” katanya ketika ditemui selepas majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2011 di Institut Jantung Negara di sini, semalam.

Beliau berkata, hukum hudud yang mahu dilaksanakan parti pembangkang itu mirip kepada hukuman yang lebih berat dan tiada dalam al-Quran.

### **Tak boleh sokong**

“Saya tidak boleh sokong itu, tidak kena dengan Islam. Kalau sesuatu itu tidak adil, dia tidak Islam.

“Islam menuntut apabila kamu hukum, hukumlah dengan adil,” katanya.

Selama ini, PAS menamakan Dr Mahathir sebagai individu yang bertanggungjawab menghalang pelaksanaan

hukum hudud di negara ini.

Hukum hudud juga kini menjadi isu dalam hubungan di kalangan parti pembangkang, apabila hukum syariah yang dicadangkan PAS ditentang habis-habisan Pengerusi DAP, Karpal Singh.

### **BN sudah sedia hadapi PRU13**

Mengenai desas-desus Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) diadakan November ini selepas pengagihan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pusingan kedua, beliau berkata, Barisan Nasional (BN) sudah bersedia menghadapi pilihan raya.

“Jika November ditetapkan untuk pilihan raya, kita akan lakukan (November) kerana jika tunggu terlalu lama, lebih banyak tuntutan dibuat kepada kerajaan,” katanya.

Beliau berkata, jika PRU-13 dapat diselesaikan segera, kerajaan dapat memberi tumpuan untuk meneruskan agenda pembangunan negara.